

**APLIKASI NAJIS MUGHALLAZAH DALAM PENETAPAN  
HALAL SEMASA DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF  
MAQASID AL-SHARIAH**

Tuan Sidek T. M. & Ridzwan Ahmad

**ABSTRAK**

Para ulama berselisih pandangan terhadap penentuan hukum anjing dan babi sebagai najis *mughallazah*. Berdasarkan mazhab al-Shafi'i iaitu kedua-duanya adalah najis *mughallazah*. Namun pandangan tersebut dikritik kerana memilih kesukaran sedangkan terdapat pendapat yang lebih ringan. Justeru wujud dua golongan iaitu mereka yang tegas kekal dengan pemakaian najis *mughallazah* mengikut pendapat fiqh al-Shafi'i dan mereka yang mencadangkan penggunaan pendapat mazhab lain. Sehubungan dengan itu, penulisan ini dikemukakan untuk menilai sejauh mana kesesuaian aplikasi najis *mughallazah* mengikut pendapat fiqh al-Shafi'i dalam konteks semasa khususnya dalam penetapan halal di Malaysia. Penilaian dibuat berpandukan kepada pencapaian *maqasid al-shari'ah* iaitu pengukuran berdasarkan pencapaian matlamat syarak dalam memelihara *maslahah* dan penolakan terhadap *mafsadah*. Berdasarkan kepada penilaian, didapati dalam keadaan biasa, pemakaian najis *mughallazah* mengikut pendapat fiqh dalam mazhab al-Shafi'i lebih menepati *maqasid al-shari'ah* khususnya dalam memelihara agama dan nyawa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kesukaran, perlulah diraikan *khilaf* dengan menggunakan pendekatan *al-taysir* dan *raf' al-haraj* yang masih di dalam ruang lingkup *maqasid al-shariah*.

**Kata Kunci:** *najis mughallazah, maqasid al-shariah, al-taysir* dan *raf' al-haraj*

**APPLICATIONS OF SEVERE NAJS IN DETERMINING THE  
CURRENT HALAL IN MALAYSIA ACCORDING TO  
MAQASID AL-SHARIAH PERSPECTIVE**

**ABSTRACT**

*Muslim scholars differ in their opinions of the ruling of pig and dog as the severe najs (mughallazah). According to al-Shafi'i school of thought, both animal are categorized as the mughallazah. This opinion has been contended due to its discomfort to people practice, while at*

## 2 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

*the same time there are other softer opinion to consider. Although there is a firm assertion to stick to the ruling of the al-Shafi'i's mughallazah, there are suggestions to comply with other steady opinions. This study attempts to evaluate the appropriateness of the application of mughallazah category based on al-Shafi'i's halal affairs especially in the Malaysia context. The evaluation is based on the standard of the shariah objectives (*maqasid al-shariah*) which emphasizes the attainment of shariah goal of seeking boon and avoiding bane (*jalb al-masalih wa dar' al-mafasid*). The evaluation found that in normal circumstances, the al-Shafi'i's opinion fits the al-Shariah objectives especially in preserving religion and life of the people. Nevertheless, in case of hardship, differences should prevail to comply with method of simplification (*al-taysir*) as well as removing inconvenience (*raf'al-haraj*).*

**Key words:** *najs (mugallazah), shariah objectives, simplification, removing inconvenience*

### PENGENALAN

Aplikasi najis *mugallazah* sering menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ada yang cenderung untuk berpegang kepada pemakaiannya menurut pandangan muktamad dalam mazhab al-Shafi'i dan ada pula yang cuba melonggarkan pemakaiannya kerana berpandangan ia termasuk di dalam perkara khilaf yang ada ruang untuk digunakan pendapat mazhab lain yang dirasakan lebih sesuai dengan perkembangan semasa.

Antara contoh yang berlaku ialah sebagaimana yang dilaporkan oleh Harian Metro (“Berus Rambut”, 2017) tentang penemuan berus rambut daripada bulu babi yang diletakkan bersama dengan produk yang lain. Isu ini menjadi agak panas kerana tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang telah merampas produk-produk tersebut di premis jualan sehingga menyebabkan Menteri yang berkenaan telah mengeluarkan kenyataan agar dihentikan rampasan tersebut bagi mengelakkan daripada perpecahan kaum (Faiz, 2017). Di samping itu, di dalam kes seekor babi hutan menceroboh masuk ke dalam sebuah masjid di Selangor, terdapat juga pandangan yang mengatakan tindakan masjid menanggalkan karpet dan menggantikan dengan karpet baru yang bernilai RM 34,000 adalah suatu pembaziran (Iwan Shu-Aswad, 2018).

### **3 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

Dalam pada itu, terdapat juga pandangan yang menyebut isu babi menjadi sensitif dalam kalangan orang Islam di Malaysia kerana mereka mengamalkan fiqh yang tertutup kerana menggunakan pendapat mazhab al-Shafi'i sahaja sedangkan penggunaan bulu babi adalah perkara khilaf ("Fikah Tertutup", 2017). Terdapat juga program-program yang dianjurkan seolah-olah untuk mencabar pegangan dan amalan tradisi berdasarkan mazhab al-Shafi'i seperti program *I want to touch the dog* (Ida, 2014) dan lain-lain.

Dalam pelaksanaan halal di Malaysia, asas kepada pengurusan, pentadbiran dan penetapan hukum adalah berdasarkan kepada pendapat fiqh mazhab al-Shafi'i. Ia sebagaimana yang dicatatkan di dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 pada takrif hukum syarak iaitu undang-undang Islam mengikut mazhab al-Shafi'i atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab lain sama ada Hanafi, Maliki atau Hambali yang telah dipersetujui oleh Yang Dipertuan Agong untuk dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putra Jaya, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja bagi mana-mana negeri untuk dikuatkuasakan di negeri masing-masing.

Berdasarkan kepada keadaan di atas, tulisan ini dikemukakan untuk menganalisis aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal khususnya di dalam industri halal semasa di Malaysia. Analisis ini dibuat berdasarkan kepada ukuran pencapaian *maqasid al-shariah* untuk menilai sejauhmana kesesuaian pemakaian pandangan mazhab al-Shafi'i dalam penetapan halal bagi memelihara *maslahah* dan menolak *mafsadah* dalam konteks semasa.

#### **Penggunaan Istilah *Najis Mugallazah* dalam Kalangan Fuqaha'**

Dari sudut bahasa, *najis mughallazah* bermaksud najis berat. Istilah ini digunakan oleh fuqaha' mazhab al-Shafi'i dan mazhab Hanafi (al-Zuhayli, 1989). Ia tidak popular dalam kalangan fuqaha mazhab Hanbali dan Mazhab Maliki. Dalam mazhab al-Shafi'i, najis dibahagikan kepada tiga iaitu: *mughallazah* (berat), *mutawassitah* (pertengahan) dan *mukhaffafah* (ringan) (al-Ramli, 1984). Asas kepada penetapan ini kembali kepada kaedah penyucian sesuatu yang terkena najis mengikut pendapat Imam al-Shafi'i iaitu terdapat basuhan najis yang perlu kepada sertu, najis yang hanya perlu dibasuh

#### 4 | Aplikasi najis mughallazah dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

sahaja dan najis yang hanya perlu direnjiskan air sahaja di tempat kena najis selepas dibuang ‘ain najis (al-Mawardi, 1994).

Fuqaha’ mazhab Hanafi pula membahagikan najis kepada dua iaitu najis *mughallazah* dan najis *mukhaffafah*. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah ini di kalangan mereka berbeza dengan penggunaannya di kalangan fuqaha’ mazhab al-Shafi’i. Menurut mereka, najis *mughallazah* ialah sesuatu yang dihukumkan najis berdasarkan nas yang *qat’i*. Najis *mukhaffafah* pula ialah najis ditetapkan hukumnya berdasarkan nas yang tidak *qat’i* (al-Zuhayli, 1989).

Di dalam tulisan ini, perbincangan adalah berdasarkan kepada istilah yang digunakan oleh fuqaha’ mazhab al-Shafi’i iaitu hukum najis ke atas anjing dan babi dan sesuatu yang terhasil daripadanya kedua-duanya. Kaedah penyucian basuhan sesuatu barang yang terkena najis ini hendak dengan menggunakan kaedah serta iaitu dibasuh tujuh kali dan salah satu daripadanya ialah dengan menggunakan air yang bercampur tanah (al-Ramli, 1984).

#### **Khilaf Fuqaha’ Pada Kenajisan Anjing, Babi dan Anggotanya**

Hukum memakan daging babi adalah haram secara *ittifaq* (al-Zuhayli, 1987). Walau bagaimanapun fuqaha’ khilaf pada status kenajisan babi dan anjing dari pelbagai sudut sama ada dari sudut kenajisan kedua-duanya semasa hidup, kenajisan anggota babi selain daripada daging, kenajisan anjing dan anggotanya dan kaedah basuhan.

Di dalam mazhab al-Shafi’i, pandangan yang muktamad ialah anjing, babi dan sesuatu yang terhasil daripadanya kedua-duanya atau salah satu daripadanya adalah najis *mughallazah*. Pendapat ini diasaskan kepada pandangan Imam al-Shafi’i yang menyebut anjing, babi atau sesuatu yang terhasil daripadanya adalah najis ‘ain iaitu najis ketika hidup apatah lagi setelah mati menjadi bangkai. Apabila sesuatu terkena najis ini, ia mestilah dibasuh sebanyak tujuh kali. Salah satu daripadanya ialah dengan air yang bercampur tanah. Pendapat beliau diasaskan kepada nas dan *qiyas*. Nasnya ialah sabda Nabi s.a.w.:

إِذَا شَرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحِدُكُمْ فَلَيُغْسِلُهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ

## 5 | Aplikasi najis mughallazah dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

Tarjemahan: Apabila seekor anjing minum pada bekas kamu, hendaklah di basuh tujuh kali (Sahih al-Bukhari, hadis 172).

Menurut beliau, hadis ini adalah hujah bahawa kenajisan anjing adalah berbeza dengan najis-najis yang lain yang hanya memadai dibasuh sekali atau beberapa kali hingga suci tanpa perlu kepada basuhan dengan tanah. Di samping itu, beliau mengukuhkan hujah beliau tentang kenajisan anjing berbeza dengan najis yang lain selain babi berdasarkan kepada beberapa Nabi s.a.w. yang lain antaranya:

مَنْ أَفْتَنَ كُلْبًا، لَيْسَ بِكُلْبٍ مَاشِيَةً، أَوْ ضَارِيَةً، نَفَصَ كُلُّ يَوْمٍ مِنْ  
عَمَلِهِ قِيرَاطًا

Tarjemahan: Sesiapa yang memelihara anjing bukan dengan tujuan untuk menjaga ternakan ataupun untuk berburu, akan berkurangan pahalanya setiap hari sebanyak dua *qirat* (Sahih al-Bukhari, hadis 5480).

Dan sabda baginda s.a.w.:

لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةَ بَيْنَهُ كُلْبٌ وَلَا صُورَةٌ

Tarjemahan: Tidak masuk malaikat ke dalam satu rumah yang ada di dalamnya anjing dan gambar (Sahih al-Bukhari, hadis 5960).

Berdasarkan kepada perintah basuhan yang terdapat di dalam hadis, atas dasar *qiyyas*, Imam al-Shafi'i berpendapat keseluruhan badan anjing adalah najis (al-Shafi'i : 2014, )

Berkaitan dengan hujah kenajisan babi pula, Imam al-Shafi'i menggunakan *qiyyas* ke atas kenajisan anjing (al-Shafi'i, 2014). Sehubungan dengan itu, hukum kenajisan babi adalah sama dengan hukum kenajisan anjing. Bahkan menurut al-Shirazi (1994), kenajisan babi adalah lebih utama (*aula*) kerana pengharaman makan daging babi disebut oleh al-Quran berbeza dengan anjing yang tidak disebut tegahan untuk memakannya oleh al-Quran. Di samping itu terdapat juga hadis Nabi sa.w. yang dapat difahami daripadanya status kenajisan babi seperti:

## 6 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ الْخُمُرَ وَشَنَنَهَا وَحَرَمَ الْمُيْتَةَ وَشَنَنَهَا وَحَرَمَ الْخِنْزِيرَ  
وَشَنَنَهَا

Tarjemahannya: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan arak dan hasil jualannya, dan Allah mengharamkan bangkai dan hasil jualannya dan Allah mengharamkan babi dan hasil jualannya (Sunan Abi Daud, hadis 3485).

Hujah lain yang menunjukkan kenajisan babi lebih utama berbanding anjing ialah pengharaman mengambil manfaat daripada babi dalam semua keadaan berbeza dengan anjing yang dibolehkan mengambil manfaat daripadanya pada keadaan-keadaan tertentu (al-Mawardi, 1994). Menurut al-Nawawi (2010), Ibn Munzir telah menyebut bahawa kenajisan babi adalah *ijmak*. Walau bagaimanapun, beliau menolak pendapat tersebut kerana mazhab Maliki mengatakan babi adalah suci ketika hidup. Walau bagaimanapun, pada pendapat beliau, tidak terdapat dalil yang jelas tentang kenajisan babi ketika hidup.

Di dalam mazhab Maliki, babi adalah suci ketika hidup (al-Kalbi, 1998) Imam Malik berpendapat, anjing adalah suci. Oleh itu apabila anjing menjilat apa yang ada di dalam bekas, bekas dan air itu adalah suci. Perintah membasuh itu adalah semata-mata *ta'abud*. Pendapat ini juga turut dipegang oleh al-Zuhri, al-Awza'i, al-Thauri dan Daud (mazhab al-Zahiri). Antara hujah mereka ialah anjing diharuskan untuk dijadikan binatang untuk perburuan. Sekiranya ia najis, sudah tentu ia bercanggah dengan keharusan tersebut kerana binatang buruan akan digigit oleh anjing. Di samping itu terdapat hadis yang menyebut tentang suci air yang dijilat oleh binatang buas dan anjing. Bagi fuqaha mazhab Maliki, status kenajisan anjing adalah sama seperti binatang-binatang buas yang lain (al-Kalbi, 1998).

Terdapat khilaf di kalangan mereka pada kenajisan anggota badan seperti tulang, kuku dan gigi. Menurut al-Qarafi (1994), dalam masalah anggota binatang yang telah menjadi bangkai terdapat dua pendapat iaitu najis dan satu lagi tidak najis. Pada status kenajisan bulu babi juga terdapat dua pendapat, iaitu tidak najis dan najis. Menurut Imam Malik, tulang adalah najis berbeza dengan bulu (Ibn Rusyd, 2009). Dari sudut kulit pula, terdapat dua riwayat iaitu yang pertama *dibagh* menjadikan kulit itu suci dan pendapat yang kedua, ia tidak

## 7 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

menyucikan tetapi diberi kelonggaran untuk menggunakan bahagian luar (Ibn Rusyd, 2009).

Hujah fuqaha' mazhab Maliki telah dijawab oleh fuqaha' mazhab al-Shafi'i dengan hujah-hujah berikut (al-Mawardi, 1994):

- i- Terdapat hadis jilatan anjing yang perlu dibasuh tujuh kali di samping hadis-hadis yang lain yang menyebut tentang haram hasil daripada hasil jualan anjing.
- ii- Keharusan berburu dengan anjing tidak menafikan kenajisannya kerana sesuatu yang najis boleh dimanfaatkan. Bekas gigitannya itu boleh dibasuh atau dipotong atau mengikut pendapat yang lain boleh dibiarkan kerana ia termasuk dalam perkara yang dimaafkan.
- iii- Berkaitan dengan hadis yang mengatakan suci air yang dijilat oleh binatang buas termasuk anjing, air itu adalah air yang banyak. Sekiranya air itu sedikit sekalipun, ia adalah suatu perkara yang syak sahaja. Syak tidak menjadikan sesuatu itu najis.

Di dalam mazhab Hanafi, menurut al-Kasani (2005), khilaf berkaitan kenajisan anjing ini berpunca daripada persoalan sama ada anjing itu najis pada '*ain* ataupun tidak. Mereka yang mengatakan ia najis pada '*ain* menggunakan kenajisannya ke atas babi pula. Sebaliknya mereka yang mengatakan bukan najis pada '*ain* menyamakan hukum dengan binatang-binatang lain yang haram di makan. Pendapat yang kedua inilah yang dipilih oleh beliau. Inilah pendapat yang *asah* di kalangan fuqaha mazhab Hanafi (Ibn Abidin, 2003). Antara hujah mereka ialah sebagaimana fuqaha mazhab Maliki iaitu keharusan menggunakan sebagai binatang perburuan. Hanya mulut, air liur dan tahinya sahaja yang najis.

Dari sudut kenajisan babi pula, diriwayatkan daripada Abu Hanifah bahawa babi adalah najis pada '*ain*. Ini berdasarkan kepada ayat al-Quran yang menyebut perkataan *rijs* terhadap babi. Oleh itu, semua anggotanya adalah najis. Walau bagaimanapun, terdapat ruksah pada penggunaan bulunya bagi tukang kasut kerana *darurah*. Abu Yusuf juga sependapat dengan Abu Hanifah, bahkan beliau turut berpendapat bulunya tidak boleh dijual. Sekiranya, bulunya jatuh ke dalam air yang sedikit, air itu menjadi najis. Menurut Muhammad al-Shaybani pula, air itu tidak najis melainkan bulu tersebut banyak. Terdapat pendapat lain dalam mazhab yang menyebut bulu adalah suci kerana ketiadaan

## **8 | Aplikasi najis mughallazah dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

darah padanya. Menurut al-Kasani (2005), pandangan yang dipilih oleh beliau ialah najis kerana babi adalah najis pada ‘ain.

Dari sudut kulit pula, menurut fuqaha mazhab Hanafi, *dibagh* menyucikan semua kulit binatang kecuali kulit babi. Menurut Abu Yusuf, semua kulit binatang adalah suci. Walau bagaimanapun pendapat yang sahih dalam mazhab sebagaimana yang disebut oleh al-Kasani (2005), kulit itu tidak menjadi suci.

Di dalam mazhab Hanbali, menurut salah salah satu riwayat, anjing adalah najis pada ‘ain. Seluruh jasadnya adalah najis sebagaimana jilatannya (Ibn Qudamah, 2004). Dari sudut babi pula, menurut Ibn Qudamah (2004), hukum kenajisan babi adalah najis pada ‘ain iaitu seluruh jasadnya najis. Dari sudut kulit, Imam Ahmad menyebut bahawa suci semua kulit binatang yang suci ketika hidupnya dengan *dibagh*. Ini bermakna kulit anjing dan babi tidak suci walaupun dengan *dibagh*. Walau bagaimanapun, sebahagian *ashab al-Hanabilah* berpendapat bahawa tidak suci *dibagh* kecuali pada kulit binatang yang halal dimakan sahaja.

### **Khilaf Fuqaha’ Pada Kaedah Basuhan**

Terdapat juga khilaf di kalangan fuqaha’ pada kaedah penyucian bekas atau sesuatu yang terkena anjing dan babi. Menurut pendapat Imam al-Shafi’i dan pendapat yang muktamad dalam mazhab, ia di basuh sebanyak tujuh kali, salah satu daripadanya ialah dengan air bercampur tanah (al-Shafi’i, 2014, al-Ramli, 1984, al-Zuhayli, 2011 ). Walau bagaimanapun, pada kenajisan babi, terdapat fuqaha dalam mazhab yang berpandangan kaedah penyucian adalah sama seperti najis lain iaitu hanya sekali tanpa perlu kepada tanah (al-Nawawi, 2010) .

Dalam mazhab Maliki pula, hanya yang perlu dibasuh tujuh kali ialah pada jilatan sahaja atas asas *ta’abudi* (melakukan apa yang disuruh berdasarkan kepada perintah semata-mata) kerana terdapat hadis Nabi s.a.w. yang menyuruh membasuh tujuh kali. Walaupun perlu dibasuh tetapi status sesuatu yang dijilat itu adalah suci sama seperti jilatan binatang buas yang lain yang hukumnya adalah suci. Di atas asas *ta’abudi* jugalah, mereka tidak membuat *qiyyas* perintah basuhan jilatan anjing itu ke atas anggota anjing yang lain dan babi. Terdapat juga pandangan dalam mazhab yang menyebut ‘illah perintah basuhan itu

## **9 | Aplikasi najis mughallazah dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

ialah kerana kekotoran yang ada pada anjing. Oleh itu, mereka tidak membuat *qiyyas* kepada babi (al-Habib, 1998).

Di dalam mazhab Hanafi, kadar basuhan najis daripada anjing dan babi adalah sama seperti najis-najis lain iaitu sekiranya najis itu ada ‘ain (boleh dilihat), basuhannya sekali atau beberapa kali bergantung kepada hilangnya ‘ain yang najis. Sekiranya najis itu dari kategori yang tidak boleh dilihat, basuhannya hendaklah mengikut *glabah al-zhann* (sangkaan kuat - telah bersih) sebaiknya tiga kali (al-Kasani, 2005).

Mereka menolak pendapat Imam al-Shafi‘i yang berdalilkan hadis menyuruh membasuh tujuh kali itu kerana hadis itu disebut pada peringkat awal Islam bertujuan untuk mencabut budaya manusia yang mesra dengan anjing. Sekiranya najis itu termasuk dalam kategori najis yang nampak dilihat, basuhannya ialah mengikut hilangnya ‘ain yang najis tersebut. Walaubagaimanapun, disunatkan bagi najis yang tidak dapat dilihat dibasuh tujuh kali, salah satunya dengan tanah kerana keluar daripada khilaf dengan Imam Ahmad dan Imam al-Shafi‘i (Ibn Abidin, 2003). Berkaitan dengan kaedah basuhan ini, pendapat yang *asah* dalam mazhab Hanbali ialah sesuatu terkena anjing atau babi hendaklah dibasuh tujuh kali sebagaimana pendapat dalam mazhab al-Shafi‘i (Ibn Qudamah, 2004).

### **Beberapa Penyakit yang dikaitkan dengan Anjing dan Babi**

Dari sudut sains kesihatan, penyakit yang seringkali dikaitkan dengan anjing ialah penyakit anjing gila atau *rabies*. Menurut World Health Organization (WHO), 99 peratus daripada kes *rabies* yang membawa kematian kepada manusia disebabkan oleh anjing (“Rabies”, 2017). *Rabies* merupakan sejenis penyakit zoonotik yang disebabkan oleh jangkitan virus dari *genus lyssavirus* yang boleh menjangkiti kesemua jenis mamalia. Simptom klinikal yang kerap dikesan melibatkan perubahan kelakuan, gejala kerosakan saraf, lumpuh dan yang lazimnya berakhir dengan kematian. *Rabies* berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit atau melalui permukaan mukosa dari air liur, cairan atau tisu tubuh yang terjangkit.

Terdapat juga penyakit lain yang berpunca daripada anjing dan boleh menjangkiti manusia. Al-Qardawi (1980) menyebut tentang dapatan kajian Dr. Graard Pentsmar yang menyatakan dalam badan anjing juga

## **10 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

terdapat sejenis cacing pita yang berbeza dengan cacing pita yang lain kerana ia terlalu kecil. Ia mudah berjangkit dan kerap menjangkiti manusia. Ia akan membiak di dalam hati. Selain hati, ia juga menyerang paru-paru, lengan, limpa dan anggota-anggota badan yang lain. Cara yang terbaik untuk menghindari wabak penyakit yang disebabkan oleh cacing pita anjing adalah dengan menghindarkan diri daripada bermain-main dengannya.

Dari sudut babi pula, terdapat pelbagai penemuan sains yang lebih menggerunkan. Dr. Danial Zainal Abidin (2015) memetik rumusan yang dibuat oleh Daniel S. Shapiro bahawa terdapat lebih daripada dua puluh lima penyakit yang boleh dijangkiti daripada babi. Kajian yang dibuat oleh Alix Fano, Murry J. Cohen, Marjorie Kramer, Ray Greek dan Stephen R. Kaufman (t.t.) menunjukkan bahawa dua puluh lima jenis penyakit tersebut boleh membawa maut seperti *leptospirosis* yang boleh menyebabkan kerosakan hati dan buah pinggang.

Menurut Dr. Danial Zainal Abidin (2015), pada tahun 1918, virus *influenza* yang kumannya berpunca daripada babi telah menyebabkan kematian hampir 20 juta manusia. Begitu juga pada tahun 1957, satu wabak yang dikenali sebagai *asian flu* dan pada tahun 1968, satu wabak yang menyerang Hong Kong juga berkemungkinan berpunca daripada kuman yang datang daripada haiwan ternakan yang kemudiannya menjangkiti babi. Di dalam babi, virus itu berubah menjadi satu virus yang merbahaya sebelum menjangkiti manusia. Menurut anggaran, wabak-wabak tersebut telah menyebabkan dua juta jiwa telah terkorban. Pada tahun 1997, ditemui virus yang berbahaya dalam babi iaitu virus *retroviruses PERVS*. Virus ini boleh merebak melalui cecair yang ada dalam tubuh manusia dan dengan itu mudah untuk menjangkiti orang lain. Sejak tahun 1997, ahli sains menemui beberapa virus pada babi yang boleh menjangkiti manusia. Antaranya virus-virus tersebut ialah *porcine torovirus*, *porcine rotavirus*, *porcine reproductive and respiratory syndrome virus* dan *H3N2 swine flu virus*.

Kajian yang dilakukan oleh dua belas orang pakar sains yang diketuai oleh Dr. Yoshihiro Kawaoka mendapati pada kerongkong babi terdapat sel-sel khusus yang mampu mengubah pelbagai kuman virus kepada bentuk yang berbahaya kepada manusia. Mereka menganggap babi adalah takungan yang mampu mengumpulkan pelbagai jenis kuman

## **11 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

untuk diubah kepada bentuk yang berbahaya. Begitu juga dengan kajian tokoh-tokoh perubatan Cina yang mendapati daging babi boleh merangsang penyakit-penyakit lama, kemandulan, sakit tulang dan asma (Dania Zainal Abidin, 2015). Medical Daily (Makini Brice, 2012) juga menyebut babi adalah satu takungan genetik yang mampu menghasilkan virus-virus berbahaya yang mampu menjangkiti babi, burung dan manusia. Contoh yang diberikan ialah virus H1N1 yang terhasil daripada gabungan babi, burung dan manusia. Virus ini yang menyerang manusia pada tahun 2009 sebenarnya sudah berada pada babi sejak tahun 1990-an .

Pada tahun 1999, Malaysia juga telah dikejutkan dengan penyakit yang berpuncanya daripada virus daripada babi yang dinamakan virus Nipah. Ia telah menjangkiti kira-kira 265 orang dan menyebabkan kematian lebih 105 orang. Jangkitan viral ini turut merebak kepada pekerja tempat sembelihan babi di Singapura dan menjelaskan industri ternakan babi negara. Wabak ini merebak melalui daging babi yang dimakan pesakit (“Rangsang Lebih”, 2014). Antara penyakit lain yang boleh membawa maut dan pernah berlaku di Malaysia ialah *Japanese Encephalitis* (JE). Walaupun penyakit ini berpuncanya daripada nyamuk tetapi babi merupakan agen yang paling utama dalam menyebarkan virus kepada pihak lain termasuk manusia kerana virus ini banyak terdapat di dalam darah mereka (“Kesihatan-Japanese”, 1999).

Berdasarkan maklumat di atas, telah terdapat kajian dan penemuan saintifik yang menunjukkan kedua-dua binatang ini boleh mendatangkan kemudaratan dan kemerbahayaan kepada manusia melalui pelbagai virus yang ada pada mereka. Virus-virus tersebut pula boleh mendatangkan pelbagai penyakit kepada manusia. Ada di antara penyakit-penyakit tersebut boleh menyebabkan wabak dan kematian.

### **Konsep *Maqasid al-Shariah* dan Peranannya dalam Penetapan Hukum Semasa**

*Maqasid al-Shari‘ah* ialah tujuan dan objektif Syarak (al-Ba‘lbaki, 1988). Dari sudut istilah, pelbagai definisi maqasid al-Shariah telah diberikan oleh pelbagai tokoh pengkaji ilmu ini. Antaranya ialah hikmah-hikmah, *masalih* (kebaikan) dan manfaat-manfaat (Ibn ‘Ashur, 2011), tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni, 2011) dan *maslahah* syariah, tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang bertujuan untuk

## 12 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat (al-Khadimi, 2003). Terdapat pelbagai lagi definisi yang diberikan oleh pelbagai tokoh lain tetapi secara umum maksudnya adalah sama iaitu berkisar tentang tujuan pensyariatan untuk memelihara *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan atau kemudarat) sama ada kepada individu maupun masyarakat, dunia dan akhirat.

Berdasarkan kepada definisi di atas, perkara asas yang menjadi tumpuan dalam perbincangan *maqasid al-shariah* ialah *maslahah*. Menurut al-Ghazali (1996), *maslahah* ialah menjaga matlamat syarak. Matlamat syarak ada lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta. Setiap perkara yang membawa kepada penjagaan kelima-lima ini adalah *maslahah*, ketiadaan penjagaan kelima-limanya atau salah satunya adalah *mafsadah* dan menjauh daripada *mafsadah* adalah *maslahah*. Menurut Ibn ‘Ashur (2011), *maslahah* ialah sifat bagi sesuatu perbuatan yang menghasilkan kebaikan yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. *Mafsadah* pula ialah sesuatu yang berlawanan dengan *maslahah* iaitu satu sifat bagi suatu tindakan yang membawa kepada kemusnahan atau kemudarat yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. Al-Raysuni (2011) pula menjelaskan bahawa apa yang dapat difahami tentang *maslahah* dan *mafsadah* berdasarkan kepada perbincangan ulama’ ialah ia merangkumi *maslahah* dan *mafsadah* dunia dan akhirat termasuklah juga jalan dan sebab yang membawa ke arah kedua-duanya.

Secara ringkasnya pengukuran *maslahah* dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. *Daruriyyah* ialah perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup dunia dan akhirat. Ketiadaannya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan sistem kehidupan dunia serta kegagalan dan kembali dalam keadaan kerugian pada kehidupan akhirat (al-Shatibi, 2011). Menurut Ibn ‘Ashur (2011), *maslahah daruriyyah* ialah apa-apa yang umat secara kolektif ataupun secara individu memerlukannya. Sekiranya tiada *maslahah* tersebut, akan rosak sistem dan membawa kehidupan umat kepada kebinasaan dan kehancuran. Terdapat lima perkara yang perlu dipelihara untuk memastikan *maslahah* peringkat ini terjaga iaitu menjaga agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta.

### **13 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

Peringkat kedua ialah *hajiyyah*. Ia adalah apa yang diperlukan untuk kemudahan dan menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kepayahan dan *mashaqqah*. Sekiranya tidak dipelihara perkara tersebut, ia akan membawa kepada kepayahan dan *mashaqqah* tetapi tidak sampai ke tahap kemasuhan. Peringkat seterusnya ialah *tahsiniyyah* iaitu mengambil apa yang sesuai daripada adat-adat yang baik dan menjauhi perkara yang kurang baik yang mana akal yang sihat tidak suka kepadanya (al-Shatibi, 2011).

*Maqasid al-Shari'ah* mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam penetapan hukum. Ini kerana mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah* perlu diberikan keutamaan. Ia adalah matlamat. Walau bagaimanapun, akal semata-mata tidak dapat mengukur *maslahah*. Jika dibiarkan pencarinya tanpa panduan, akan muncul terlalu banyak khilaf bahkan mungkin timbul penyelewengan dalam penetapan hukum. Oleh itu, ilmu usul fiqh yang menjadi asas kepada penetapan hukum adalah sangat penting kerana pengetahuan dengan dalil-dalil dan kaedah-kaedahnya memandu seseorang mujtahid untuk sampai kepada matlamat pensyariatan melalui jalan yang betul. Al-Yubi (1998) menyebut bahawa syariat Islam adalah sistem yang syumul. Hukum *juz'i* bertemu dengan kaedah *kulli* pada pemeliharaan *maslahah* dan penolakan *mafsadah*. Setiap dalil yang dijadikan hujah oleh syarak adalah untuk merealisasikan *maqasid* syarak. Oleh itu kedua-duanya tidak dapat dipisahkan serta saling berkait antara satu dengan lain.

#### ***Maqasid al-Shariah* dan Metode Fiqh al-Shafi'i**

Imam al-Shafi'i merupakan pengasas ilmu *maqasid al-shariah* sebagaimana beliau juga dianggap pengasas dalam ilmu usul fiqh (Ahmad Wifaq, 2014). Dari sudut metodenya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Shafie, setiap isu mempunyai nas-nas tertentu sama ada secara langsung maupun tidak langsung (al-Shafi'i, 2013). Sekiranya, tidak terdapat di dalam *nas* secara langsung, ia diperoleh melalui *ma'na* dan *maqasid*. Namun beliau tidak membiarkan perkara tersebut sebegitu sahaja tanpa garis panduan dalam penetapan *ma'na* dan *maqasid*. Beliau telah mengikatnya dengan ikatan yang kuat iaitu antara yang penting ialah ia tidak bercanggah dan mempunyai persamaan dengan usul. Ikatan ini yang mengikat *ma'na* dan *maqasid* tanpa perluasan penggunaan yang tiada garis panduan yang jelas. Berdasarkan asas inilah, Imam Juwayni mengembangkan pemikiran

## **14 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

Imam al-Shafi'i dan bergerak mengikut *manhaj* tersebut sehingga asas-asas ilmu *maqasid* itu jelas dan tersebar kepada murid-muridnya yang bermazhab al-Shafi'i selepas itu (Muhammad Nabil, 2012).

Termasuk juga dalam memelihara *maqasid*, ialah kaedah meraikan khilaf. Manakala bentuk khilaf pula terbahagi kepada dua iaitu khilaf hukum terhadap suatu perkara yang belum berlaku. Khilaf ini diraikan atas asas warak dan *ihtiyat* (berhati-hati). Galakan untuk diraikan itu berbeza-beza mengikut kekuatan dalil yang menjadi asas kepada khilaf. Bentuk yang kedua dalam meraikan khilaf ialah pada perkara yang telah berlaku iaitu dengan melihat kepada *mafsadah* yang lebih besar sekiranya kekal pada pendapat yang asal dibandingkan dengan meraikan pendapat yang lain di samping dapat memberikan kemudahan dan keringanan kepada mereka yang terlibat (Ahmad Wifaq, 2014). Di samping itu, terdapat kaedah yang menunjukkan kepada ruang meraikan khilaf dalam memelihara *maslahah* sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Shafi'i yang bermaksud apabila sempit suatu urusan, ia menjadi luas (al-Suyuti, 1998).

### **Analisis Pemakaian Najis *Mughallazah* dalam Penetapan Halal Semasa Menurut Perspektif *Maqasid al-Shari'ah***

Dalam penetapan halal di Malaysia khususnya melalui prosedur dalam Pensijilan Halal Malaysia, najis dibahagikan kepada tiga mengikut mazhab al-Shafi'i iaitu najis *mukhaffafah*, *mutawassitah* dan *mughallazah* sebagaimana yang disebut di dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Malaysian Standard MS 1500:2009 dan beberapa Malaysian Standard yang lain. Najis *mughallazah* ditakrifkan sebagai najis berat iaitu anjing, babi dan yang lahir daripada kedua-duanya atau salah satunya (MPPHM, 2014, MS 2393:2013).

Dari sudut penyucian najis pula, terdapat perenggan yang menyebut tentang definisi dan keperluan serta sebagaimana yang terdapat di dalam MPPHM perkara 2.5. iaitu ia bermaksud menyucikan sesuatu daripada najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya. Najis *mughallazah* hendaklah disucikan dengan membasuhnya menggunakan sekali air yang bercampur tanah dan diikuti dengan enam kali air bersih atau air mutlak. Syarikat hendaklah melaksanakan serta ke atas premis sekiranya:

**15 |** Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

- i- Berlaku pencemaran *najis mughallazah*; atau
- ii- Menerima arahan daripada JAKIM/ JAIN.

Di dalam Malaysia Standard MS1500:2009 pula, pada Lampiran B dijelaskan secara lebih terperinci peraturan sertu. Antara peraturan tersebut ialah:

- i- hendaklah membasuh tujuh kali, satu daripadanya dengan air yang dicampur dengan tanah;
- ii- basuhan yang pertama adalah untuk menghilangkan kewujudan *najis*, walaupun beberapa basuhan diperlukan. Hendak dipastikan tiada tinggalan air daripada air basuhan pertama dan basuhan seterusnya hendaklah dikira sebagai basuhan kedua;
- iii- tanah yang digunakan hanya setakat cukup untuk menjadikan keladak (*suspension*); dan
- iv- penggunaan bahan yang mempunyai kandungan tanah adalah dibenarkan.

Apabila ditinjau kepada Pandangan Hukum dan fatwa berkaitan penetapan halal, terdapat beberapa pandangan hukum yang mempunyai kaitan dengan pemakaian *najis mughallazah* antaranya ialah:

- i- Hukum bioteknologi dalam makanan dan minuman. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada 12 Julai 1999 telah telah memutuskan bahawa barang, makanan dan minuman yang diproses melalui kaerah bioteknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram. Penggunaan bio-teknologi DNA babi dalam pemprosesan barang, makanan dan minuman belum lagi sampai ketahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan bahan yang lain.
- ii- Hukum baja daripada tahi babi. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981 telah memutuskan bahawa baja yang diperbuat daripada tahi babi adalah *najis mughallazah*, sementara hukum menggunakanannya sebagai baja adalah makruh.
- iii- Hukum penggunaan bulu babi. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-12 yang bersidang pada 22-23 Januari 1985 telah memutuskan bahawa penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram. Sekiranya tidak pasti sama ada

**16 |** Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

berus tersebut daripada bulu babi atau tidak maka harus digunakan.

- iv- Hukum penggunaan hormon PSH-P sebagai bahan peningkatan ternakan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-39 yang bersidang pada 21 September 1995 telah memutuskan bahawa hormon PSH-P yang diperolehi dari otak babi adalah najis *mughallazah* dan haram digunakan dalam apa pun bentuk sama ada untuk tujuan pemberian dan sebagainya. Anak-anak binatang ternakan yang dihasilkan pemberiannya daripada PSH-P diharamkan bahkan termasuk daging dan susunya.

Dari sudut pencapaian *maqasid al-shari'ah* yang berpandukan kepada ukuran mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*, pemakaianya berdasarkan kepada pendapat Imam al-Shafi'i adalah lebih *ihtiyat* dalam menjaga agama dan nyawa. Ia juga bertepatan dengan kaedah fiqh yang bermaksud menolak *mafsadah* didahului daripada mendatangkan *maslahah* (al-Zarqa, 2011) dan begitu juga dengan kaedah fiqh *درء المفاسد أولى من جلب المصالح* ( إذا جتمع الحلال والحرام غلب الحرام ) yang bermaksud apabila berhimpun antara hala dan haram, maka didahului haram (al-Suyuti, 1998). Apatah lagi di Malaysia, ruang untuk mendapatkan barang yang bukan bersumberkan kedua-duanya adalah mudah. Dalam suasana yang seperti ini pemakaian berdasarkan pendapat yang lebih *ihtiyat* (pendapat al-Shafi'iyyah) adalah lebih baik untuk menjaga agama dan nyawa. Tambahan pula, jika ditinjau kepada pendapat yang *asah* dalam mazhab Hanafi yang menetapkan kadar basuhan hanya sekali atau beberapa kali sehingga diyakini suci, mereka juga menetapkan hukum sunat atau digalakkan sekiranya membasuh tujuh kali kerana meraikan khilaf (al-Kasani, 2005). Ini bertepatan dengan kaedah fiqh *الخروج من الخلاف مستحب* yang bermaksud keluar daripada khilaf adalah lebih disukai (al-Suyuti, 1998). Keluar daripada khilaf adalah juga salah satu penjagaan *maslahah* dalam masyarakat agar kerukunan kehidupan masyarakat terjaga.

Walaupu begitu, kerana terdapat khilaf pada kenajisan babi dan anjing, ia memberi ruang kemudahan untuk mengambil pendapat yang lebih mudah dalam suasana yang ada keperluan (*hajah*) melalui pendekatan *al-taysir* (memudahkan) dan *raf' al-haraj* (menghilangkan kepayahan). Di Malaysia, walaupun pemakaian berdasarkan pendapat najis 'ain kedua-dua binatang ini termasuk bulu tetapi, jika ditinjau kepada

## 17 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

pandangan hukum tentang barang yang diperbuat daripada bulu babi, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan menetapkan sekiranya tidak pasti sama ada berus tersebut daripada bulu babi atau tidak, maka ia harus digunakan. Ini menunjukkan dalam aplikasi najis ini di Malaysia, terdapat ruang kemudahan pada ketika kepayahan dan terdapat juga unsur meraikan mazhab yang berbeza pandangan tetapi pada keadaan biasa pemakaian secara *ihtiyat* adalah lebih menepati *maqasid al-shariah*. Di samping itu, meraikan pendapat yang khilaf di saat kepayahan tidak terkeluar daripada metode ijтиhad Imam al-Shafi'i dan mazhab beliau sebagaimana kaedah fiqh yang disebut oleh beliau iaitu *إذا اتسع الأمر ضاق* yang bermaksud apabila sempit suatu urusan, ia menjadi luas (al-Suyuti, 1998).

Dalam meraikan khilaf, kajian dan penemuan saintifik juga perlu dijadikan panduan. Ini kerana punca khilaf yang berlaku dalam perbincangan para ulama silam lebih kepada perbezaan pendalilan terhadap nas dan manhaj yang diguna oleh setiap aliran. Namun dalam keadaan semasa berdasarkan penemuan saintifik terhadap kemudaratan yang dibawa oleh babi dan anjing, pandangan fuqaha silam perlu diselaraskan agar tidak berlawanan dengan *maqasid al-Shar'ah*. Pada asasnya jika dilihat kepada kajian dan penemuan saintifik tentang kemudaratan yang dibawa oleh kedua-kedua binatang ini kepada penyebaran penyakit lebih-lebih lagi babi, langkah-langkah pencegahan menjadi suatu tindakan yang perlu dilakukan demi memelihara nyawa. Justeru pandangan yang dianggap sebagai *al-taysir* dalam isu babi dan anjing sudah dianggap tidak relevan. Justeru, pandangan yang berasaskan kepada pengamalan *ihtiyat* dalam kitab-kitab klasik telah berubah arah menjadi pandangan yang kuat serta perlu diarusperdanakan bersesuaian dengan situasi semasa dan setempat. Manakala pandangan yang berasaskan kepada *al-taysir* juga perlu dinilai semula agar tidak dianggap sebagai *tatabbu' al-rukhs* semata-mata bertepatan dengan kaedah fiqh yang diamalkan oleh golongan al-shafi'iyyah *إذا اتسع الأمر ضاق* yang bermaksud apabila luas suatu urusan, ia menjadi sempit (al-Suyuti, 1998).

Dari sudut perkembangan industri halal, pendapat yang menggunakan pendekatan *ihtiyat* dalam kalangan fuqaha silam akan mendorong pelbagai pihak sama ada pihak berkuasa atau pihak industri lebih memfokuskan kajian, penghasilan dan penjualan daripada barang terutamanya yang berkaitan dengan makanan daripada sumber yang

## **18 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

selain daripada babi dan anjing di samping langkah-langkah pengawalan agar kedua-dua jenis binatang ini atau apa sahaja barang makanan yang terhasil daripadanya dijauahkan daripada pasaran. Ini secara tidak langsung lebih menepati dalam penjagaan harta kerana ia akan meningkatkan kajian dan penghasilan barang dari pada sumber yang jelas halal di samping meningkatkan peluang orang Islam mengambil bahagian dalam penghasilan barang yang *halalan tayyiba*.

### **KESIMPULAN**

Terdapat khilaf di dalam pelbagai mazhab dalam penetapan anjing dan babi sebagai najis *mughallazah*. Khilaf ini berpunca daripada penggunaan metode yang berbeza dalam penetapan hukumnya. Namun perkembangan terkini menunjukkan isu babi dan anjing ini bukan sahaja menjadi isu khilafiyah bahkan menjadi isu yang melibatkan kemudaran terhadap kelangsungan kehidupan manusia. Di Malaysia, aplikasi secara meluas termasuk di dalam penetapan halal dalam Pensijilan Halal Malaysia adalah berdasarkan pendapat fiqh dalam mazhab al-Shafi'i iaitu kedua-duanya adalah najis *mughallazah*. Dalam keadaan biasa, aplikasi berdasarkan pendapat mazhab al-Shafi'i lebih menepati *maqasid al-shariah* untuk menjaga agama dan nyawa. Walau bagaimanapun, dalam keadaan sukar, terdapat ruang *al-taysir* dan *raf' al-haraj* dengan meraikan khilaf bagi mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*. Ia juga tidak bercanggah dengan metode ijтиhad mazhab al-Shafi'i yang meraikan kepelbagaiannya keadaan dan suasana untuk mencapai *maslahah*. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar penetapan hukum di Malaysia tidak hanya terikat kepada pendapat fiqh mazhab al-Shafi'i semata-mata tetapi perlu juga dilihat kepada metode ijтиhad dalam mazhab agar penetapan dan pelaksanaan hukum tidak menjadi kaku bahkan sentiasa mengekalkan kesesuaian dengan nas dan *waqi'* bagi mencapai *maqasid al-shariah*.

### **RUJUKAN**

- Abu Daud, Sulaiman bin al-As'ath. (2007). *Sunan Abi Daud*. Kaherah: Dar Ibn al-Haitham.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. (2014), *Maqasid al-Shari'ah 'inda al-Imam al-Shafi'i*. Mesir: Dar al-Salam.
- Alix Fano, Murry J. Cohen, Marjorie Kramer, Ray Greek dan Stephen R. Kaufman (t.t.). *Of Pigs, Primates, and Plagues, A Layperson's Guide to the Problems With Animal-to-Human Organ Transplants*.

**19 | Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah***

<http://apps engr. utexas.edu/ethics/organTransplant/plagues.cfm> (14 Mac 2017)

Berus Rambut Bulu Babi (9 Feb 201). *Harian Metro*. Diakses daripada <http://www.hmetro.com.my/node/204505>

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (t.t.). *Sahih al-Bukhari*. Mansurah: Dar al-Ghad al-Jadid.

Al-Ba‘lbaki, Ruhi. (1988). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar li al-‘Ilm al-Malayin.

Danial Zainal Abidin. (2015), *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Selangor: PTS Publishing House.

Faiz Zainuddin (9 Feb.2017). Hamzah: Henti rampas berus bulu babi, elak perpecahan kaum. *Freemalaysiatoday News*. Diakses daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/02/09/hamza-h-henti-rampas-berus-bulu-babi-elak-pecah-belah-rakyat/>

Fikah tertutup punca bulu babi sensitive. (9 Feb. 2017). *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/371910>

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1996). *Al-Mustasfa fi ‘ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Habib bin Tahir. (1998). *Al-Fiqh al-Maliki wa Adillatuh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Radd al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir. (2011). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.

Ibn al-Rusd, Muhammad bin Ahmad.(2009). *Bidayah al-Mujtahid*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn Qudamah, ‘Abd. Allah bin Ahmad (2004). *Al-Mughni*, Kaherah: Dar al-Hadith.

Ida Lim. (26 Okt. 2014). Syed Azmi, the ‘Touch a Dog’ Organiser Who Turned Hero and Villain in a Week. *Malaymail Online*, <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/syed-azmi-the-touch-a-dog-organiser-who-turned-hero-and-villain-in-a-week#2bVUZyarVBsgFdjg.97>

Iwan Shu-Aswad Shuaib. (10 Mac 2018). Kalau Boleh Sertu, Kenapa Ganti Karpet RM34,000?. *Mstar*. Diakses <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/03/10/isu-babi-masuk-masjid/>

Al-Kalbi, Muhammad bin Ahmad. (1998). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Kasani, Abu Bakar ibn Mas‘ud. (2005). *Badai‘ al-Sanai‘*, Kaherah: Dar al-Hadith.

Kesihatan – Japanese Encephalitis – Punca Penyakit. (17 Jan 1999). *Utusan Online*, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0117&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Gaya\\_Hidup&pg=ls\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0117&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_02.htm)

**20 |** Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

- Al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar. (2003). *Al-Maqasid al-Shar‘iyyah ta‘rifuhā Amthalatūha- hujiyatūha*. Riyadh: Kunuz Eshbelia.
- Kompilasi pandangan hukum muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan*. (2015). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- KPDNKK Sita Berus Cat Daripada Babi. (6 Feb. 2017). *Sinar Online*. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kpdnkk-sita-berus-cat-daripada-bulu-babi-1.623799>
- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*. (2014). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad. (1994), *Al-Hawi al Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah*. (1983). Kuwait: Wazarah al-Auqaf wa Shu‘un al-Islamiyyah.
- MS 1500:2009 Makanan Halal - Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan - Garis Panduan Umum (Semakan Kedua). Selangor: Department of Standards Malaysia.
- MS 2393:2013 Islamic and halal principles - Definitions and Interpretations on Terminology. Selangor: Department of Standards Malaysia.
- Muhammad Nabil Ghanayim (2012). “*Maqasid al Shariah ‘inda al-Shafi‘iyyah*” dlm. *Maqasid al-Shari‘ah fi al-Mazahib al-Islamiyyah*. London: Muassassah al-Furqan li al-Turath al-Islami
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharf. (2010). *Al-Majmu‘*. Kaherah: Dar al-Hadith. Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal). 2011.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1994) *Al-Zhakhirah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1980). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Rabies. (2017). World Health Organization. Diakses 11 Oktober 2017 daripada <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs099/en/>
- Al-Ramli, Muhammad bin Ahmad (1984). *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rangsang Lebih Banyak Penyelidikan. (14 Mac 2014). *Kosmo Online*, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=1204&pub=kosmo&sec=rencana\\_utama&pg=ru\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=1204&pub=kosmo&sec=rencana_utama&pg=ru_02.htm)
- Al-Raysuni, Ahmad. (2011). *Nazariyyah al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Shatibi*. Maghribi: Maktabah al-Hidayah.
- Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris. (2014), *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris. (2013). *al-Risalah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (2011). *Al-Muwafaqat*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Al-Shirazi, Ibrahim bin ‘Ali. (1994), *al-Muhazzhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1998). *Al-Ashbah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

**21 |** Aplikasi *najis mughallazah* dalam penetapan halal semasa di Malaysia menurut perspektif *maqasid al-shariah*

- Al-Yubi, Muhammad Sa‘d bin Ahmad. (1998). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah wa ‘alaqatuha bi al-Adillah al-Shari‘iyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. (2011), *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Muhammad (2011). *Al-Mu‘tamad fi Fiqh al-Shafi‘i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zulkifli bin Mohamad. (t.t.). *Anjing Penciptaan dan Hukum*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.

*Tuan Sidek T. M.  
Calon Doktor Falsafah  
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
Malaysia.*

*Ridzwan Ahmad  
Pesyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
Malaysia.*